

Sambutan Tahun Ke-234 Bandar Rattanakosin dan Ekspo Budaya ASEAN 2016



Tahun 2016 menandakan ulang tahun ke-234 Rattanakosin, atau Bangkok. Kementerian Kebudayaan dengan kerjasama pelbagai agensi menganjurkan festival kebudayaan untuk meraikan sambutan ke-234 tahun Rattanakosin, serentak dengan Ekspo Kebudayaan ASEAN 2016.

Acara yang bertajuk "The 234th Year of Rattanakosin City under Royal Benevolence," berlangsung pada 20 hingga 24 April 2016, bermula jam 9:00 pagi hingga 10:00 malam, di tapak upacara Sanam Luang dan sekitarnya di Bangkok.

Menteri Kebudayaan Vira Rojpojchanarat berkata sebagai sebahagian daripada acara ini, kebanyakan aktiviti akan dianjurkan di Sanam Luang, Teater Negara, dan Muzium Negara Bangkok. Beberapa aktiviti akan berlangsung di kawasan Siam Square.

Perayaan bagi memperingati 234 tahun Rattanakosin menampilkan pameran mengenai sejarah Rattanakosin, persembahan kebudayaan Thailand keseluruhannya, aktiviti keagamaan, sukan rakyat Thai, konsert, bazar produk budaya Thai, dan bersiar-siar di sekitar Pulau Rattanakosin.

Bagi Ekspo Budaya ASEAN 2016, ia bertujuan untuk mempromosikan kepelbagaian budaya ASEAN dan mewujudkan pemahaman yang lebih baik mengenai persamaan dan perbezaan budaya antara dan di kalagan negara-negara anggota ASEAN. Ekspo Budaya ASEAN merangkumi sembilan aktiviti, iaitu ASEAN Plus Ramayana; Warisan ASEAN untuk Fesyen Kontemporari; Seni dan Kraf ASEAN; Keajaiban ASEAN: Sejarah Kontemporari ASEAN; Dapur ASEAN: Rasa ASEAN; Layang-layang ASEAN; Festival Filem ASEAN Bangkok 2016 dan Filem Klasik ASEAN; pameran "Akar Budaya ASEAN;" dan seminar, "Identiti Umum dalam Sastera ASEAN."

Sejarah Rattanakosin bermula pada tahun 1782, ketika Raja Rama I menubuhkan Bangkok sebagai ibu negara. Sejak ditubuhkan sebagai ibu negara, Bangkok berkembang menjadi pusat politik, sosial dan ekonomi penting di Asia Tenggara. Terdapat banyak tempat-tempat budaya dan bersejarah yang mencerminkan sejarah panjang dan budaya unik negara ini.

Bandar ini mulanya tertumpu di sepanjang sisi timur Sungai Chao Phraya. Pada Pemerintahan Kelima, Raja Chulalongkorn membukaan pemandangan bandar di luar tembok bandar asal, apabila baginda membina Istana Dusit, yang menghubungkannya ke Istana Diraja melalui Jalan Ratchadamnoen, ia mengubah Bangkok dalam setiap aspek, yang membawa kepada pemodenan bandar tersebut.

Selain daripada sekitar kawasan bersejarah dan kebudayaan, pelancong juga boleh menghabiskan masa yang menyeronokkan bersiar-siar di sekitar Pulau Rattanakosin, nadi bandar asal. Pelawat asing dan rakyat tempatan Thailand juga boleh menikmati keindahan tersendiri budaya Thai dan belajar tentang sejarah besar di pelbagai tempat di bandar raya ini, yang terpilih sebagai bandar pelancongan yang terbaik di Asia untuk beberapa tahun berturut-turut.